



(https://www.upm.edu.my)

Selamat Datang Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia



(https://www.malaysia.gov.my/portal/index)

🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » Inovasi vaksin beri perlindungan menyeluruh virus ND genotip VII virulen

Senarai Berita (/berita)

Inovasi vaksin beri perlindungan menyeluruh virus ND genotip VII virulen

Oleh: Azman Zakaria

Foto: Noor Azreen Awang



SERDANG: Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan vaksin generasi baharu yang mampu memberi perlindungan menyeluruh terhadap virus sampar ayam ND genotip VII virulen, bagi mengawal penyakit sampar ayam.

Vaksin Padanan-Genotip itu dihasilkan menerusi teknologi genetik berbalik, hasil penyelidikan lebih lima tahun di bawah Program Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan.

LIHAT JUGA



Entiti Kami

UPM Universiti P
University Rankin
(/berita/upm_univ
1_world_universit
Newsletter

Tetapan
Sahabat Masjid b
(/berita/sahabat_

WAZAN laksana
(/berita/wazan_lo



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

☎ +603-9769 1000

📠 +603 8948 7273

@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

Projek inovasi vaksin penyakit sampar ayam atau Newcastle Disease (ND) itu diketuai Prof. Dr. Abdul Rahman Omar dari Fakulti Perubatan Veterinar UPM. Dua lagi ahli kumpulan penyelidik itu ialah Prof Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris dan Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Yusoff.

Prof. Dr. Abdul Rahman berkata, hasil dapatan daripada ujian yang dijalankan oleh Institut Biosains (IBS) UPM dengan kerjasama syarikat Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn Bhd (MVP) membuktikan vaksin itu stabil, tidak mempunyai kesan sampingan dan selamat digunakan pada anak ayam seawal usia satu hari.

"Anak ayam yang disuntik sekali dengan vaksin ini menghasilkan paras antibodi yang tinggi selepas tiga minggu, yang memberikan perlindungan yang menyeluruh daripada cabaran penyakit serta pembebasan virus ND genotip VII," katanya.

Beliau berkata, ND yang disebabkan oleh virus sampar ayam (NDV) adalah wabak virus burung yang mudah berjangkit dan merupakan penyakit virus yang telah menyebabkan kerugian besar terhadap industri poltri di seluruh dunia.

Katanya, virus ND genotip VII virulen merupakan strain NDV yang paling banyak tersebar di Malaysia dan negara-negara lain di Asia terutamanya di Asia Tenggara dan Asia Barat sejak 10 tahun lalu.

Menurutnya, kaedah pencegahan ND di ladang komersial adalah secara 'bio-security' termasuk amalan perladangan yang baik dan penggunaan vaksin.



Vaksin mulakan digunakan pada 1950-an dengan menggunakan vaksin hidup dan vaksin mati, yang masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri (pros and cons). Penggunaannya adalah sama ada secara berasingan atau pun kombinasi kedua-duanya secara serentak.

Katanya, pencegahan menggunakan vaksin tidak begitu berjaya walaupun turut menggabungkan kaedah 'bio-security' dan amalan perladangan yang baik kerana apabila virus itu menjangkiti ayam, virus berkenaan akan disebar secara berterusan di lapangan menyebabkan kebarangkalian mengawal penyakit itu sukar.

"Apabila vaksin digunakan di lapangan, banyak faktor boleh menjejaskan keberkesannya. Justeru, terdapat keperluan untuk membuat penambakan pada vaksin yang ada," katanya.

Sehubungan itu, katanya, beliau bersama ahli kumpulan menjalankan penyelidikan sehingga terhasilnya Vaksin Padanan-Genotip.

Prof Dr Abdul Rahman berkata, ayam pedaging hanya memerlukan dua atau tiga dos vaksin berkenaan yang lazimnya diberi dalam bentuk minuman atau semburan, manakala ayam penelur dan ayam baka memerlukan antara enam dan lapan dos.

Katanya, perjanjian pelesenan telah ditandatangani dengan syarikat MVP pada tahun lalu dan kini dalam peringkat mendapatkan lesen penghasilan vaksin daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk membolehkannya dipasarkan.

Menurutnya, sudah ada permintaan untuk Vaksin Padanan-Genotip itu dari beberapa negara Asia seperti Vietnam, Filipina dan Mesir. - UPM

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Finovasi_vaksin_beri_perindungan_menyeluruh_virus_nd_genotip_vii_virulen-56933&title=Inovasi%20Vaksin%20Beri%20Perlindungan%20Menyeluruh%20Virus%20ND%20Genotip%20Vii%20Virulen%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
 (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan
 MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN

BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
 03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN











- Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://bursar1.upm.edu.my/spln/>)
- Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
- KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
- Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)
- Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
- Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
- Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)
- Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
- i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)
- i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)
- Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

- Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)
- Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/msc-malaysia/>)
- Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)
- Agensi Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

- FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (Entiti)**
- Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)
- Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)
- Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
- Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
- Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
- Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my>)
- Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
- Takwim UPM 2020 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20200218095115TAKWIM_UPM_2020-2.pdf)

 (http://www.putra.upm.edu.my)	 (http://portal.upm.edu.my)
 (http://www.pertanika.upm.edu.my)	 (http://www.learninghub.upm.edu.my)
 (http://www.pasir.upm.edu.my/)	 (https://smp.upm.edu.my)
 (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)	 (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
 (http://reg.upm.edu.my/eISO/)	 (http://emel.upm.edu.my)

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Dasar Privasi ([/footnote/dasar_privasi-29949](#)) Hakcipta ([/footnote/hakcipta-29950](#)) RSS ([/rss](#)) Penafian ([/footnote/penafian-29938](#)) Bantuan ([/footnote/bantuan-29937](#)) © 2020 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**